

**Najib Bentang Usul Mansuh Dua Akta Minggu Depan
Bernama
30 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata beliau akan membentangkan usul memansuhkan Akta Buang Negeri 1956 dan Akta Kediaman Terhad 1933 pada sesi persidangan Dewan Rakyat minggu depan.

Katanya usul pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang akan digantikan dengan dua akta baru akan dibentangkan pada Mac tahun depan, diikuti dengan pindaan ke atas Seksyen 27 Akta Polis 1967 pada bulan November.

"Yang mana boleh kita buat cepat, kita buat cepat.

"Kita kena beri tumpuan supaya langkah menepati hasrat dan tujuan. Kita tidak boleh terburu-buru. Ada banyak perkara yang perlu dikaji dengan teliti," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di sini Jumaat.

Presiden Umno itu berkata Majlis Tertinggi Umno memberi sokongan penuh kepada pengumuman beliau pada malam menjelang Hari Malaysia 15 Sept lepas untuk memansuhkan beberapa enakmen termasuk Ordinan Darurat, Akta Kediaman Terhad 1933 serta pemansuhan ISA yang akan digantikan dengan dua akta baru.

Beliau berkata langkah untuk memansuhkan beberapa akta dilihat sebagai pelengkap kepada proses transformasi yang bermula dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan terkini ialah Program Transformasi Politik (PTP).

"Ini menunjukkan bahawa kita mempunyai agenda yang komprehensif dan menyeluruh untuk membawa negara kita menjurus kepada sebuah negara yang bukan sahaja maju daripada segi ekonomi tapi juga dapat menjadi sebuah negara yang sejajar dengan negara lain yang mengamalkan demokrasi, yang dikatakan demokrasi moden yang progresif," katanya.

Najib menerusi Perutusan Khas Hari Malaysia mengumumkan ISA akan dimansuhkan dan dua undang-undang baru yang sesuai akan digubal bagi memelihara keamanan, kesejahteraan, kesentosaan serta kerukunan hidup rakyat dan negara.

Katanya undang-undang baru itu akan digubal di bawah 'semangat serta payung' Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan bagi mencegah perbuatan subversif, keganasan terancang dan perbuatan jenayah.

Dalam perutusan itu juga, beliau turut mengumumkan pemansuhan Akta Buang Negeri 1959 selain akan mengkaji semula secara komprehensif Akta Kediaman Terhad 1933, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Seksyen 27 Akta Polis 1967.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=616968>